

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Surat Kredit-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran ("LO") dan/atau Perjanjian Kemudahan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank Islamic Berhad</p> <p>Surat Kredit-i</p> <p>Tarikh: 01 September 2023</p>
<p>1. Apakah yang saya perlu ketahui mengenai produk ini?</p> <p>(a) Surat Kredit-i ("LC-i") ialah aku janji bersyarat secara bertulis ("Produk / Kemudahan") yang diberikan oleh Bank Pengeluar atas permintaan Pembeli / Pemohon ("Pelanggan"), untuk pembayaran kepada Penjual ("Benefisiari") secara tampak atau tertunda sejumlah wang yang dinyatakan, dalam had masa yang ditetapkan setelah mengemukakan dokumen mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kredit-i.</p> <p>(b) Surat Kredit-i tertakluk kepada International Chamber of Commerce (ICC), Uniform Customs and Practices for Documentary Credits (UCP).</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <p>Surat Kredit-i distrukturkan berdasarkan prinsip Syariah <i>Wakalah</i> (agensi) di mana AmBank Islamic ("Bank") bertindak sebagai ejen bagi Pembeli untuk mengeluarkan LC-i kepada Penjual. <i>Wakalah</i> merujuk kepada kontrak yang mana satu pihak memberi mandat kepada pihak lain sebagai ejen untuk melaksanakan tugas tertentu.</p>	
<p>3. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?</p> <p>(a) Pengeluaran LC-i adalah bergantung kepada had kemudahan LC-i pelanggan.</p> <p>(b) Kemudahan LC-i ditawarkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau dalam mata wang asing yang diterima oleh pihak Bank.</p> <p>(c) Disediakan secara pembayaran tampak atau pembayaran tertunda.</p> <p>(d) Pembayaran kepada benefisiari atau penerimaan pembayaran di bawah LC-i berlaku setelah dokumen kepatuhan dikemukakan.</p> <p>(e) Boleh menguruskan pembayaran kepada Penjual menggunakan pembiayaan di bawah Bil Penerimaan-i, Resit Amanah-i, Pembiayaan Invois-i atau Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i (tertakluk kepada had limit Pembiayaan Perdagangan Pembeli).</p>	
<p>4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <p>(a) Memastikan bahawa permohonan LC-i adalah seperti yang dipersetujui dengan Penjual anda serta butiran berlebihan tidak dimasukkan dalam terma dan syarat LC-i.</p> <p>(b) Memastikan bahawa Penjual adalah asli/tulen dan transaksi dasar adalah sesuai dengan jenis perniagaan serta patuh Syariah.</p> <p>(c) Anda hendaklah memastikan pembayaran kepada benefisiari secara tampak atau penerimaan draf pembayaran setelah dokumen kepatuhan dikemukakan</p> <p>(d) Anda dikehendaki untuk memastikan had LC-i adalah aktif dan mencukupi untuk penggunaan.</p> <p>(e) Anda dikehendaki untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan kami untuk mendebit fi dan caj serta untuk pembayaran kepada benefisiari.</p> <p>(f) Memastikan untuk membeli perlindungan takaful/insurans kargo marin sebelum pengeluaran Surat Tawaran sekiranya ia di bawah obligasi anda.</p> <p>(g) Anda dikehendaki memastikan aset / barangan anda dalam invois adalah patuh Syariah.</p> <p>(h) Sekiranya dokumen penyerahan tidak mematuhi terma di dalam LC-i, pelanggan perlu memaklumkan pihak Bank dengan kadar segera sama ada untuk menerima atau menolak percanggahan tersebut dalam tempoh tiga (3) hari perbankan dari notis percanggahan yang dikeluarkan oleh Bank</p>	

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK
5. Apakah fi dan caj yang dikenakan?

No.	Perkara	Harga / Kadar
1	Komisen pengeluaran	Seperti LO
2	Pindaan LC-i - Lanjutan tarikh luput / penambahan jumlah	Kadar komisen pengeluaran sepertimana LO sebulan atau sebahagian daripadanya untuk tempoh lanjutan / penambahan nilai. Min: RM50 Nota: Jika pindaan yang melibatkan tambahan dalam jumlah LC-i, komisen akan dikira berdasarkan amaun yang dipinda dari tarikh terbitan asal tolak komisen yang telah dikutip.
3	Komisen Penerimaan ke atas Kredit Tertunda	Kadar komisen pengeluaran sepertimana LO sebulan atau sebahagian daripadanya Min: RM50
4	Bil Import bawah LC-i	<u>Pengeluaran atas LC-i yang tamat tempoh.</u> <ul style="list-style-type: none"> Kadar komisen pengeluaran sepertimana LO sebulan atau sebahagian daripadanya daripada tarikh tamat LC-i hingga tarikh pengeluaran LC-i. Min: RM100 <u>Pengeluaran atas jumlah melebihi amaun LC-i (Cuma di caj/dikenakan sekiranya Pelanggan menerima percanggahan)</u> <ul style="list-style-type: none"> Kadar komisen pengeluaran sepertimana LO atau sebahagian daripadanya daripada tarikh pengeluaran LC-i berdasarkan amaun lebihan. Min: RM100
No.	Jenis Fi dan Caj	Tarif
1	Pindaan LC-i - Selain daripada lanjutan tarikh luput / penambahan jumlah	RM50 rata
2	Pembatalan / tiada penggunaan LC-i - Fi Pemprosesan	RM50 rata
3	Penyerahan dokumen secara langsung daripada Benefisiari (Bil Masuk)	0.1% daripada nilai invoice (akan dicaj kepada akaun benefisiari atau akaun pemohon bergantung kepada terma di dalam LC-i). Min: RM50 Max: RM100 (Bil Mata Wang Asing); RM300 (Bil RM) Fi Semakan: RM30
4	Komisen sebagai ganti Pertukaran Mata Wang Asing yang diselesaikan dalam Mata Wang Asing	0.1% daripada nilai invoice. Min. RM50, Max. RM300.
5	Caj SWIFT / Telex untuk penghantaran teks LC-i	Pengeluaran: <ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM40 rata. Di luar Malaysia: RM100 rata. Pindaan <ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM20 rata. Di luar Malaysia: RM50 rata.
6	Bayaran SWIFT	Untuk akaun pelanggan <ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM20 rata. Di luar Malaysia: RM40 rata. Untuk akaun rakan niaga asing - bersamaan USD20.
7	Pembayaran RENTAS / GIRO Antara Bank	RM2 rata.
8	Pos / Pos Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM5 rata. Di luar Malaysia: RM20 rata.
9	Perkhidmatan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM15 rata. Di luar Malaysia: Bergantung kepada destinasi.
10	Duti Setem	Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)

Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- LC-i terhutang yang perlu dibayar akan dibayar melalui Bil Masuk Pendahuluan (IBA) atau kemudahan pembiayaan perdagangan lain yang berkaitan untuk memenuhi akujanji pembayaran di bawah LC-i
- Jika anda tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan apa-apa tuntutan terhadap LC-i, pihak Bank akan mengenakan caj Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
- Bank akan menggantung penggunaan kemudahan kredit yang diberikan kepada anda
- Bank mempunyai hak untuk memulakan proses dapatan balik / tindakan undang-undang, termasuk dan tidak terhad kepada proses pemuflian / penggulangan (sekiranya jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Kesan terhadap pengadilan muflis / penggulangan boleh mengakibatkan percabaran mahkamah dan perampasan harta anda.
- Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal
- Jika anda tidak mempunyai dana yang mencukupi di dalam akaun semasa anda, pihak Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank untuk menyelesaikan apa-apa pembayaran tunggakan di bawah kemudahan AmBank Islamic. Amaun tolak-selesai akan dimaklumkan kepada anda sebelum proses tolak-selesai dilaksanakan.

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Tidak terpakai.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Tidak terpakai.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Pembayaran kepada benefisiari atau penerimaan pembayaran di bawah LC-i berlaku setelah dokumen kepatuhan dikemukakan dan tanpa pengesahan kualiti dan kuantiti barangan.
- Untuk transaksi perdagangan antarabangsa, kadar pertukaran mata wang mungkin berbeza pada masa Pembeli dan Penjual mengikat kontrak dan ketika pembayaran kontrak serta mengakibatkan kerugian kesan perubahan turun naik nilai mata wang.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
- Cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Bank.

Nota: Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre
P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran terperinci seperti manfaat, caj dan yuran produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com

14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Resit Amanah-i • Bil Penerimaan-i • Pembiayaan Invois-i • Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i • Pemfaktoran Rekursa Domestik-i • Pemfaktoran Sulit-i • Penyelenggaraan Lejar Jualan-i • Pemfaktoran Berturutan-i | <ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Bil Keluar-i • Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i • Bil Kredit Perundingan-i • Surat Kredit Tunggu Sedia-i • Jaminan Bank-i • Jaminan Perkapalan-i • Kutipan Bil Masuk-i • Kutipan Bil Keluar-i |
|--|--|

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari 01 September 2023 sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penafian: Amaun Kemudahan LC-i yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: